



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA:
KOD ETIKA PEGAWAI KEHAKIMAN 2019**

Semasa Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2019 (OLY 2019) pada 11 Januari 2019, YAA Ketua Hakim Negara telah melancarkan Kod Etika Pegawai Kehakiman 2019 (“Kod tersebut”).

Kod tersebut bertujuan untuk memberi panduan dalam menetapkan dan mengekalkan taraf yang tinggi bagi kelakuan peribadi dan kehakiman.

Kod tersebut adalah berdasarkan Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan Dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993] yang memperuntukkan 24 perkara yang terpakai kepada pegawai kehakiman termasuklah Hakim Mahkamah Sesyen, Majistret dan Pendaftar yang menjalankan perbicaraan. Salinan Kod tersebut boleh didapati di http://www.kehakiman.gov.my/sites/default/files/CodeofEthics2019_0.pdf.

Badan Kehakiman Malaysia sentiasa berusaha untuk menjadi sebuah institusi yang telus, adil dan berintegriti. Sekiranya terdapat ketidakpatuhan Kod tersebut oleh mana-mana Pegawai Kehakiman, pihak berkepentingan dan orang awam boleh membuat aduan dengan menghubungi 013-280 7841 (WhatsApp sahaja) / 017-968 9848 (WhatsApp sahaja) atau komunikasikorporat@kehakiman.gov.my.

Sekian, terima kasih.

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
Istana Kehakiman, Putrajaya

Tarikh: 17 Januari 2019